

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
(KOTA SAMARAHAN)**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha semasa Kementerian untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan bakal pengundi muda atau baharu terutamanya mereka yang menjelang umur 18 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa peka dan prihatin untuk memberi kesedaran yang berterusan kepada orang muda mengenai hak mereka untuk mengundi. Antara inisiatif Kementerian ialah dengan pelaksanaan Program Rukun Negara@Belia (RNB) khusus untuk golongan belia di negara ini.

Objektif utama program RNB adalah untuk;

- a. mewujudkan kesedaran belia tentang peranan, keterlibatan dan ambil tahu tentang kelayakan mengundi dari usia 18 tahun;
- b. melahirkan golongan belia yang memahami perlembagaan dan struktur pentadbiran Kerajaan serta terlibat secara langsung dalam

soal demokrasi sesebuah negara;

- c. membantu belia dalam meningkatkan jati diri untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab; dan
- d. meningkatkan nilai patriotik dan semangat cintakan negara dalam kalangan belia.

Program RNB juga digarap selaras dengan bidang-bidang keutamaan belia yang digariskan di dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) yang menyasarkan lapan (8) kumpulan sasaran belia iaitu belia bersekolah, belia pengajian tinggi, belia bekerjaya, perkumpulan belia, belia massa, belia Malaysia antarabangsa, belia minoriti dan golongan terpinggir dan belia berisiko.

Ini adalah untuk memastikan ilmu kenegaraan dapat dipelajari dan difahami dengan lebih meluas oleh segenap lapisan belia di negara ini melalui kaedah interaktif, ringkas dan padat. Pengisian program meliputi penghayatan Prinsip Rukun Negara dan sistem pemerintahan negara berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan agar menghasilkan masyarakat yang bersatu padu dan cakna (*awareness*) kepada susur galur pentadbiran negara.

Pengisian utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada golongan belia supaya menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi berikutan penurunan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun selain meningkatkan pengetahuan literasi politik. Kementerian melalui iLEAD telah merancang sebanyak 114 program RNB untuk dilaksanakan pada tahun 2021. Sehingga **15 September 2021** sebanyak **84** program berjaya dijalankan dengan penyertaan sejumlah **55,696** orang.

Kaedah pelaksanaan RNB adalah secara bersemuka dan juga secara dalam talian berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan. Pelaksanaan program secara dalam talian ini adalah sebagai usaha alternatif Kementerian berikutan halangan untuk mengadakannya secara bersemuka. Sekian, terima kasih.